



# PELAN STRATEGIK

MAJLIS DAERAH TANGKAK  
2021-2025





# PELAN STRATEGIK

MAJLIS DAERAH TANGKAK  
2021-2025

# ISI KANDUNGAN

**Ringkasan Eksekutif**  
**Perutusan Yang Dipertua**  
**Aluan Pengerusi JK Pelan Strategik**  
.....

## **BAB 1** Pendahuluan

- Latar belakang
  - Punca Kuasa
  - Fungsi dan Objektif
  - Carta Organisasi
- .....

## **BAB 2** Pencapaian Prestasi Pelan Strategik 2016-2020

.....

## **BAB 3** Hala tuju Strategik

- Isu dan cabaran
  - Pihak berkepentingan
  - Peta Strategik
  - Dasar Kualiti
- .....

## **BAB 4** Strategi dan Pelan Tindakan

- Objektif Strategik
  - Strategi, Program dan KPI
- .....

**Penutup & Penghargaan**  
.....



# RINGKASAN EKSEKUTIF

.....

**Pelan Strategik MDT 2021-2025** adalah rujukan utama dan panduan kepada setiap bahagian dalam merancang strategi dan inisiatif secara sistematik dan bersepadu. Dokumen ini juga memusatkan segala komitmen dan fokus seluruh warga MDT bagi menjayakan visi dan misi organisasi.

Untuk memastikan Pelan Strategik ini relevan dengan situasi dan ekspektasi semasa, MDT telah melaksanakan analisis persekitaran dan mendapatkan pandangan dan cadangan daripada warga MDT. Hasil daripada pandangan dan cadangan ini dan berteraskan pendekatan Kerangka Peta Strategik, dan isu-isu strategik telah dikenalpasti.

Ekoran itu, **5 teras strategik** telah dijadikan teras yang meliputi perkara-perkara berkaitan Tadbir urus, kewangan, pembangunan, persekitaran dan kesejahteraan masyarakat. Setiap strategi disokong oleh program dan petunjuk prestasi sebagai panduan kepada bahagian untuk membangunkan aktiviti-aktiviti yang mampu mewujudkan Perkhidmatan Perbandaran yang berprestasi tinggi, dinamik dan berjiwa rakyat.

Analisis persekitaran dan Analisa SWOT telah dijadikan asas untuk mengenalpasti isu- isu strategik yang akan mempengaruhi peranan dan fungsi MDT pada masa kini dan masa hadapan. Perubahan persekitaran yang dinamik dan bercirikan kepesatan teknologi, ekonomi digital, globalisasi dan liberalisasi merupakan pembolehupaya sejagat yang boleh mempengaruhi produktiviti dan daya saing MDT.

Bagi memastikan MDT kekal relevan dalam menghadapi keperluan dan permintaan pihak pengurusan dan pegawai, Pelan Strategik MDT akan sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa bagi memastikan teras, strategi dan program yang dirancang serta dilaksanakan memenuhi keperluan dan dasar semasa berkaitan pembangunan dan pengurusan perbandaran.

Selain daripada itu pihak MDT juga akan terus memastikan pelan strategik ini sentiasa progresif, responsif serta bersifat dinamik agar pelan strategik ini dapat digunakan sebagai panduan kepada MDT untuk terus memperkasakan usaha agar mampu menaikkan nama MDT sebagai organisasi yang cemerlang dan sejahtera sekaligus memangkin peningkatan prestasi dan produktiviti.



**EZLAN FARID BIN MOHD SAID**  
**YANG DIPERTUA**  
**Majlis Daerah Tangkak**

.....

# Perutusan YANG DIPERTUA

.....

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.*

Alhamdulillah, pertama-tama saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kasih sayangNya maka dokumen **Pelan Strategik Majlis Daerah Tangkak 2021-2025** telah dapat direalisasikan dokumentasinya.

Insya-Allah, dengan komitmen dan kerjasama daripada semua warga kerja MDT, kita mampu mendepani cabaran Covid-19 dalam memulihkan tadbir urus MDT ke arah yang lebih kukuh dan bertenaga.

Komitmen jabatan untuk mengadakan **Pelan Strategik MDT 2021-2025** ini merupakan satu usaha yang patut di hargai bagi memastikan kecemerlangan perkhidmatan jabatan sentiasa berada ditahap tertinggi dan masyarakat mendapat munafaat secara keseluruhannya.

Oleh yang demikian, penekanan merangkumi penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan, pembangunan bandar mampan, peningkatan penggunaan ICT dan lain-lain bagi memudahkan urusan masyarakat dengan MDT. Pelan Strategik ini juga mengambil kira keperluan masyarakat, kekuatan dan kelemahan MDT untuk di sesuaikan sejajar apa-apa jua pelan tindakan perancangan MDT dari masa ke semasa. Justeru itu, 5 teras strategik telah di gariskan bagi memastikan visi dan misi MDT terlaksana.

Akhir kata, semoga seluruh warga kerja MDT terus mengekalkan momentum dan bertekad besar bagi menjayakan Pelan Strategik MDT ini.

Sekian, terima kasih.

**EZLAN FARID BIN MOHD SAID**  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Tangkak

# Kata Alu-Aluan

## SETIAUSAHA

.....



*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.*

Ucapan tahniah kepada semua warga kerja MDT atas segala usaha dan kejayaan menerbitkan naskah **Pelan Strategik MDT bagi tahun 2021-2025**. Pihak pentadbiran amat menghargai segala pandangan dan usaha sepanjang penghasilan pelan strategik ini bagi tempoh 5 tahun akan datang.

Walaupun penerbitan pelan strategik MDT bagi tahun 2021-2025 agak lambat dan tersasar daripada takwim yang ditetapkan kerana pandemik covid-19 tetapi itu bukan penghalang kepada ketua-ketua Jabatan / Unit merangka pelbagai inisiatif sebagai panduan pelan strategik kali ini. Kejayaan pihak urusetia meneruskan usaha menerbitkan pelan strategik MDT kali ini amatlah dihargai.

**Pelan Strategik 2021-2025** kali ini lebih menekankan kepada produk-produk pelancongan yang sedia ada dan penerokaan produk pelancongan yang baru di Daerah Tangkak khusus di dalam kawasan MDT.

Oleh yang demikian, pelan strategik 2021-2025 yang disediakan ini terdiri daripada 5 teras strategik yang memerlukan komitmen yang jitu daripada seluruh warga kerja MDT untuk direalisasikan dan mencapai KPI yang ditetapkan. Dimana pemantauan secara berterusan sekurang-kurangnya 2 tahun sekali.

Justeru itu, seperti kata pepatah 'Berusaha Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh'. Insya-Allah segala apa yang di rancang daripada dilaksanakan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

**AB RAHMAN BIN MOHAMED @ ISMAIL**  
Setiausaha  
Majlis Daerah Tangkak



# BAB 1 PENDAHULUAN

LATAR BELAKANG

01  
©

PUNCA KUASA

02  
🎯

03  
💡

FUNGSI & OBJEKTIF

04  
⚙️

CARTA ORGANISASI

# LATAR BELAKANG

.....

## SEJARAH MAJLIS DAERAH TANGKAK

### Kronologi Majlis Daerah Tangkak

- 1937 : Lembaga Bandaran (Akta Lembaga Bandaran Bab 118)
- 1952 : Ordinan Majlis Tempatan 1952, Majlis Tempatan ditubuhkan
- 1973 : Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara)
- 1976 : Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) 1976
- 1976 : Majlis Daerah Muar Utara (1.08.1976)
- 2001 : Pertukaran Nama kepada Majlis Daerah Tangkak (1.04.2001)
- 2009 : Peluasan Kawasan MDT (Mukim Kesang mulai 1.01.2009)

### Kedudukan Majlis Daerah Tangkak di Dalam Pentadbiran Negeri Johor

Penguasa Tempatan merupakan Kerajaan di Peringkat Ketiga selepas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Selepas penyusunan semula Penguasa Tempatan dalam tahun 1976, Majlis Daerah Tangkak yang ditubuhkan pada 1hb Ogos 1976 merupakan gabungan 9 buah Majlis Tempatan seperti di Jadual 1, iaitu:-

**Jadual 1: Gabungan 9 Buah Majlis Tempatan**

BIL.	NAMA	KEDUDUKAN
1.	TANGKAK	IBU PEJABAT
2.	KEBUN BARU	CAWANGAN
3.	SAGIL	CAWANGAN
4.	BUKIT KANGKAR	CAWANGAN
5.	SUNGAI MATI	CAWANGAN
6.	SEROM	CAWANGAN
7.	BUKIT GAMBIR	CAWANGAN
8.	GRISEK	CAWANGAN
9.	KUNDANG ULU	CAWANGAN
	<b>JUMLAH</b>	<b>9 CAWANGAN</b>

Luas kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Tangkak ialah 13,566 hektar dengan jumlah penduduknya dianggarkan seramai 104,264 orang dan terdapat 28,600 pegangan hartanah dalam kawasan ini termasuk jumlah pegangan pelbagai lesen iaitu 2,947. Selain daripada kawasan-kawasan cawangan Majlis Daerah Tangkak, kawasan Pentadbiran Majlis juga meliputi kawasan 20 meter (40 rantai) di kiri-kanan jalanraya kawasan Kampung Teratai, Durian Chondong, Kg. Baru Bekoh dan Bukit Asahan.

Pusat Pentadbiran Majlis Terletak di Tangkak iaitu kira-kira 203 km daripada Barat Laut Johor Bahru (26 km dari utara Bandar Muar) dan telah mempunyai bangunan pejabatnya sendiri sejak 1hb. September 1987. Bangunan pejabat berharga RM45,000.00 ini telah didirikan di atas tanah seluas 0.8 hektar dan sebahagiannya telah dibiayai dari peruntukan Geran Pelancaran yang diterima dari Kerajaan Persekutuan dengan tenaga kerja seramai 179 orang yang terdiri daripada pegawai dan anggota (Tetap / Kontrak / Sambilan) di pelbagai Jabatan dan Unit iaitu seperti di Jadual 2:-

**Jadual 2: Jabatan / Unit Majlis Daerah Tangkak**

BIL.	JABATAN / UNIT
1.	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2.	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
3.	JABATAN KEWANGAN
4.	JABATAN KEJURUTERAAN
5.	JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
6.	JABATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN AWAM
7.	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN LANDSKAP
8.	JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
9.	UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN KORPORAT
10.	UNIT UNDANG-UNDANG
11.	UNIT AUDIT DALAM
12.	UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

Sebuah lagi pejabat cawangan yang baru telah pun beroperasi sejak 2018 iaitu bagi menempatkan pegawai dan anggota Jabatan Perbandaran dan Kesihatan Awam, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Unit Undang-Undang dan Unit Audit Dalam di Pejabat Lama MDT di Jalan Sialang, Tangkak, Ledang.

Kini, dengan peluasan kawasan Majlis Daerah Tangkak secara rasminya telah diwartakan pada 1.1.2009, keluasanya merangkumi keseluruhan kawasan Mukim Kesang yang dahulunya di bawah pentadbiran Daerah Muar serta Majlis Perbandaran Muar dan pertambahan dua lagi pejabat cawangan yang baru iaitu Pejabat Cawangan Kesang dan di Pejabat Lama MDT di Jalan Sialang, Tangkak menjadikan jumlah sebanyak 11 cawangan dan telah pun beroperasi sepenuhnya pada 1.1.2009.

**Jadual 3: Gabungan 10 Buah Majlis Tempatan**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>KEDUDUKAN</b>
1.	TANGKAK	IBU PEJABAT
2.	KEBUN BARU	CAWANGAN
3.	SAGIL	CAWANGAN
4.	BUKIT KANGKAR	CAWANGAN
5.	SUNGAI MATI	CAWANGAN
6.	SEROM	CAWANGAN
7.	BUKIT GAMBIR	CAWANGAN
8.	GRISEK	CAWANGAN
9.	KUNDANG ULU	CAWANGAN
10.	KESANG	CAWANGAN
<b>JUMLAH</b>		<b>IBU PEJABAT 10 CAWANGAN</b>



# FUNGSI, PERANAN DAN OBJEKTIF

.....

## 4.0 FUNGSI-FUNGSI UTAMA JABATAN / PEJABAT

### 4.1 FUNGSI MAJLIS DAERAH TANGKAK

Fungsi Majlis Daerah Tangkak ialah memperlengkapkan kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan ini bagi mewujudkan sebuah bandar yang boleh menyediakan pelbagai kemudahan awam kepada masyarakat setempat.

### 4.2 FUNGSI ORGANISASI

- **Jabatan Khidmat Pengurusan**

Menyedia perkhidmatan pentadbiran am, pengurusan dan pemantauan sistem maklumat jabatan serta menyelenggara perisian dan perkakasan komputer pejabat termasuk perhubungan kepada warga jabatan serta orang awam bagi meningkatkan tahap profesionalisme selaras arahan perkhidmatan dan pekeling kerajaan.

- **Jabatan Kejuruteraan**

Memberi perkhidmatan dan menguruskan projek-projek pembangunan infrastruktur dengan baik untuk penduduk dan pembayar cukai di bawah pentadbiran Majlis Daerah Tangkak.

- **Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta**

Menjalankan penilaian yang adil dan saksama serta menguruskan harta-harta dengan cekap untuk meningkatkan hasil Majlis Daerah Tangkak secara keseluruhan dan mengurangkan tunggakan selaras dengan peruntukan undang-undang yang ada.

- **Jabatan Kewangan**

Menyediakan perkhidmatan perakaunan yang meliputi bayaran dan kawalan perbelanjaan serta kutipan hasil Majlis Daerah Tangkak secara menyeluruh bagi memastikan pengurusan kewangan yang cekap selaras dengan peraturan kewangan yang sedia ada.

- **Jabatan Perbandaran Dan Kesihatan Awam**

Memberi Perkhidmatan Perbandaran, Mengawalselia Kebersihan Premis Makanan Dan Kawalan Vektor Serta Keindahan Bandar bagi mewujudkan suasana Persekitaran yang selesa dan sejahtera kepada penduduk dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Tangkak.

## FUNGSI,PERANAN DAN OBJEKTIF

.....

- **Jabatan Perancangan Bandar & Landskap**

Menentukan trend dan corak pembangunan Majlis Daerah Tangkak. teratur, terancang, terkawal dan bersistematik bagi menjamin mutu kehidupan warga Majlis Daerah Tangkak selesa, harmoni dan sejahtera.

- **Jabatan Pelesenan**

Menyelia, mengawal dan melesenkan aktiviti perniagaan samada premis perniagaan atau penjaja serta menguruskan pengeluaran permit, lesen sementara dan lesen anjing dalam kawasan pentadbiran.

- **Jabatan Pembangunan Masyarakat**

Menyediakan perkhidmatan kemasyarakatan dan sebagai medium perhubungan yang mesra di antara warga Majlis Daerah Tangkak dan masyarakat setempat supaya dapat mewujudkan persefahaman dan perpaduan di antara masyarakat yang berbilang kaum serta mewujudkan masyarakat yang bebas dari kemiskinan.

- **Unit Perhubungan Awam dan Koporat**

Merancang, menyelaraskan dan menguruskan semua aktiviti dan program-program berkaitan perhubungan awam, publisiti Jabatan dan perhubungan media secara sistematik dan teratur serta bertanggungjawab mengawalselia aduan awam disamping memantau dan memastikan semua maklumat jabatan dalam Laman Web dikemaskini.

- **Unit Pusat Setempat (One Stop Center)**

Memendekkan jangka masa memproses permohonan secara serentak cadangan pemajuan sekaligus meningkatkan sistem penyampaian, prosedur dan proses cadangan pemajuan di Pihak Berkuasa Tempatan.

- **Unit Undang-Undang**

Melaksanakan undang-undang dengan lebih cekap, tegas dan berhemah bagi menjamin kesejahteraan penduduk dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Tangkak.

## FUNGSI, PERANAN DAN OBJEKTIF

---

- **Unit Audit Dalam**

Audit merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertimbangkan tahap operasi organisasi. Unit Audit Dalam bertanggungjawab bagi menjalankan audit pengurusan kewangan dan audit prestasi. Audit Pengurusan Kewangan merangkumi pemeriksaan terhadap system kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, asset dan store telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan. Audit prestasi pula merangkumi penilaian terhadap aktiviti sesebuah organisasi untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

- **Unit Penguatkuasaan**

Unit Penguatkuasaan berfungsi untuk melaksanakan undang-undang dan penguatkuasaan dengan lebih cekap, tegas dan berhemah kesejahteraan penduduk dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Tangkak.

# FUNGSI,PERANAN DAN OBJEKTIF

.....

## 2.0 OBJEKTIF JABATAN / PEJABAT

### **Objektif Majlis Daerah Tangkak**


Penyusunan semula dan penubuhan Majlis Daerah Tangkak adalah merupakan satu inspirasi sebuah Pentadbiran Kerajaan Tempatan untuk memastikan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Beberapa strategi dan aktiviti-aktiviti telah disusun dan dibentuk supaya pentadbiran Majlis Daerah Tangkak dapat menjalankan tanggungjawabnya bagi mencapai matlamat seperti berikut :-

- Mewujudkan satu corak masyarakat berbilang kaum yang bersatu dan bersefahaman tinggal di dalam kawasan Bandar
- Menggerakkan pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat tempatan di dalam Daerah Tangkak
- Mewujudkan sebuah pentadbiran yang berwibawa dan cekap untuk memberi perkhidmatan yang baik dan memuaskan penduduk-penduduk bandar dan kawasan sekitarnya



# CARTA ORGANISASI

.....





**BAB**  
**PENCAPAIAN**  
**PRESTASI**  
**PELAN STRATEGIK**  
**2016-2020**

**2**

01





# TERAS STRATEGIK

## MEMPERKASA TADBIR URUS SERTA MEMPERTINGKATKAN KAPASITI DAN KEUPAYAAN KE ARAH MENJADI ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI (HPO)

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	2016	2017	2018	2019	2020
1. Memperkukuhkan Pengurusan Organisasi Majlis Daerah Tangkak	i. Star Rating PBT	Pencapaian 4 bintang	Kepatuhan 75%	100%	85.63%	95.72%	100%	0
	ii. Semakan semula proses kerja	Kekerapan Semakan Semula	1 kali semakan setahun	100%	100%	100%	100%	100%
	iii. Pensijilan MS ISO 9001: 2015	Pematuhan Kepada ISO	Tiada rekod NCR	100%	100%	100%	0	0
	iv. Pemantauan penyampaian prestasi perkhidmatan	Bilangan mesyuarat	6 kali setahun	83% 5 kali	100% 11 kali	100% 12 kali	100% 12 kali	100% 10 kali
		Peratus pelaksanaan perancangan	80%	83.3%	91.7%	100%	100%	83.33%
	v. Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)	Peratus pelaksanaan projek KIK	80%	0	100%	100%	100%	100%
	vi. Pembangunan Pelan Intergriti Majlis Daerah Tangkak	Peratusan warga yang terlibat dalam kes tatatertib	Kurang daripada 1%	100% 1.2% 2/179 orang	100% 0.15% 1/180 orang	100% 0.57% 1/175 orang	100% 0.02% 4 orang	100% 0.02%
Penarafan indeks Akauntabiliti		4 bintang	0	100%	0	100%	0	
2. Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif	i. Peningkatan & naiktaraf kemudahan pejabat	Tahap kepuasan pekerja	90%	91.48%	97.65%	80%	92%	97%
	ii. Ekosistem kondusif sektor awam (EKSA)	Tahap kepuasan pekerja	80%	90%	90.45%	90.45%	90%	92%



3. Memantapkan Pengurusan Sumber Manusia	i. Latihan / Kursus	Peningkatan kompetensi pegawai	80%		91.5%	87.3%	77%	100%
	ii. Pelan penggantian sumber manusia	Peratusan pelaksanaan program	80%	0	90%	100%	100%	100%
4. Pengukuhan Infrastruktur ICT	i. Naiktaraf capaian kelajuan internet	a. Peningkatan kelajuan internet	Kelajuan 10 Mbps	91.48%	100%	100%	100%	100%
		b. Tahap kepuasan warga kerja	90%		0	0	0	0
	ii. Perkongsian maklumat antara jabatan	Pelaksanaan keseluruhan Modul Sistem e-PBT	Menggunakan-pakai keseluruhan 9 modul	90%	100%	100%	100%	100%
5. Memantapkan pengurusan kewangan	i. Pengoptimuman perbelanjaan	Pencapaian prestasi bajet tahunan	Hasil : 90% daripada anggaran		85%	94.50%	94.96%	91.96%
	ii. Pembelian yang efisien dan efektif		Belanja : 95% daripada anggaran		74%	64.52%	99,64%	89%
	iii. Kawalan kewangan berpandukan peraturan kewangan sedia ada	a. Pencapaian indeks akauntabiliti	4 bintang		100% (88.39%)	0	0	0
		b. Pensijilan Audit Penyata Kewangan	Mendapat Sijil Bersih		0	100%	100%	0
6. Meningkatkan tahap perkhidmatan kepada pelanggan	i. Sistem aduan	Peratus penyelesaian aduan mengikut tempoh KPI yang ditetapkan	100 (15 hari – aduan bukan teknikal )  ( > 15 hari melibatkan kos/notis)		100%	100%	100%	100%
	ii. Pengurusan pelanggan	Tahap kepuasan pelanggan	90%		95%.	98.5%	98.4%	97.26%

# TERAS STRATEGIK 2

## MENINGKATKAN KUALITI HIDUP MASYARAKAT

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	2016	2017	2018	2019	2020
i. Melaksanakan perancangan dan keindahan Bandar yang mampan dan sejahtera	i. Penyediaan rumah mampu milik	Peratus pelaksanaan	100% lebih 3 ekar (Bukan rizab Melayu )	100%	100%	100%	100%	0
			100% lebih 5 ekar (rizab Melayu)	100%	100%	100%	100%	100%
	ii. Rancangan Tempatan Daerah Tangkak 2016-2030	Peratus pematuan pelaksanaan projek	90%	100%	100%	100%	100%	100%
	iii. Garis panduan dan piawaian perancangan	Peratus pematuan	90%	100%	100%	100%	100%	100%
	iv. Persekitaran landskap yang lestari	a. Peratus penanaman 1000 batang pokok teduhan	100%	100%	100%	100%	100%	53.7%
b. Peratus kawasan yang diselenggara			100%	100%	100%	100%	100%	
2. Pengindahan kawasan perbandaran sihat dan bersih	i. Penarafan tandas awam 5 bintang	a. Peratus tandas awam	5%	0%	55/470 = 11.7%	15/117 = 13%	10.7%	Capai
		b. Tahap kepuasan pengguna	85	0%	0%	93%	98.75%	Capai
	ii. Pengurusan aduan kacauganggu yang melibatkan kesihatan awam	Peratus pencapaian pelaksanaan penyiasatan aduan dalam tempoh 2 hari	100%	10%	116/116 = 100%	100%	100%	Capai
	iii. Penarafan premis - premis makanan	Peratus premis yang mematuhi Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 dan mendapat Gred A	5%	7.4%	50/443 = 11.29%	15%	15.7%	Capai
	iv. Pengurusan Sisa Pepejal	Tahap kepuasan penduduk	85%	88.3%	95%	99.2%	95.01%	95.23%

# TERAS STRATEGIK 3

## MEMPERKUKUHKAN INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN FIZIKAL YANG MENYELURUH UNTUK MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN HIDUP

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	2016	2017	2018	2019	2020
1. Memperkukuhkan aset dan kemudahan awam.	Penyelenggaraan aset	Peratus pencapaian penyelenggaraan berkala	100%	100%	100%	100%	100%	100%
		Peratusan tahap kepuasan penduduk	80%	0	80%	90%	80%	80%
2. Menambahbaik dan mempertingkatkan pembangunan fizikal	i. Bandar selamat	Peratus penurunan kadar ragut jalanan, kehilangan motorsikal, kemalangan pejalan kaki	10%	11.58%	119 kes	8.53%	-13%	13.37%
	ii. Bandar Hijau	Peratus pelaksanaan projek hijau berdasarkan Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia	100%	33%	33%	66.6%		
		• 3 kebun komuniti		4 SPAH	2 SPAH	1 SPAH		
		• SPAH disediakan di semua aset MDT		2 Program	2 Program	1 Program		
	• 3 Program Kitar Semula							
	iii. Bandar Mampan	Peratus pencapaian dalam Murninets	80% ke atas	84%	Tanggung	82%	85%	82.5%
	iv. Penyediaan dan naiktaraf kemudahan dan rekreasi yang selesa	i. Peratus projek berjaya dilaksana	100%	100%	100%	100%	100%	100%
		• 5 taman rekreasi setiap tahun						
		ii. Tahap kepuasan masyarakat	80%	100%	25%	50%	25%	0
		• 4 unit Dewan Muafakat Johor						
		• 1 Unit Gym Rakyat						

# TERAS STRATEGIK 3

3. Mempertingkatkan sistem saringan jalan dan sistem perparitan	i. Naik taraf jalan sediaada	Peratus pencapaian projek siap	100%	100%	100%	100%	100%	100%
	ii. Pembinaan jalan-jalan baru selaras RTD Tangkak 2016 -2030		100%	100%	0%	20%	100%	100%
	iii. Naiktaraf sistem perparitan		100%	100%	100%	0%	100%	100%
	iv. Pemantauan oleh MDT dan agensi teknikal	a. Peratus perparitan awam di dalam kawasan MDT perlu dipantau	70% bilangan perparitan yang dipantau	52/65 = 78%	35/35 = 100%	114%	97%	Capai
		b. Peratus pengurangan aduan	10%	78%	76/192 = 39.58%	77%	16%	Capai



# TERAS STRATEGIK 4

## MEMPERKASAKAN JALINAN KERJASAMA DAN PERKONGSIAN PINTAR BAGI MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

STRATEGIK 4	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	2016	2017	2018	2019	2020
1. Memperkukuhkan kolaborasi strategik dalam sektor perindustrian	Jalinan mesra antara PBT, badan kerajaan dan swasta, jawatankuasa pelaburan dan juga pengusaha sektor perindustrian	I. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bahagian Perindustrian (IPMC)	3 kali setahun	66.6%	66.6%	100%	100%	0
		II. Bilangan program bersama industri	1 kali setahun	100%	100%	100%	100%	100%
2. Mewujudkan kolaborasi strategik dengan pihak berkepentingan dalam industri pelancongan	Program bersama pihak swasta dalam penganjuran aktiviti pelancongan	Bilangan program	1 program setahun	100%	100% 9 program	100% 5 program	100% 1 program	0
3. Memperkukuhkan jalinan kerjasama antara agensi teknikal	MOU/Program Kesedaran (BPR) berkaitan penambahbaikan perkhidmatan	a. Peratus persetujuan terhadap cadangan penambahbaikan	100%	0	100%	100%	100%	0
4. Membentuk masyarakat minda kelas pertama melalui kesedaran pendidikan	i. Gerak Mesra (Jom Bersih) dan komuniti mencegah aedes	Peratusan penyertaan komuniti	30%	100%	100% 30 peserta	100% 30 peserta	100% 30 peserta	Capai
	i. Program bersama institusi pendidikan dan pengajian tinggi  • Gotong - royong  • Anak Angkat  • Latihan industri	Penilaian tahap kepuasan peserta program	Mencapai skala 3 daripada skala 5 tahap kepuasan	0	100% skala 5	100% skala 5	100% skala 5	100% skala 5
				0	100% skala 3/5	100% skala 3/5	100% skala 3/5	100% skala 3/5

# TERAS STRATEGIK 4

<p>5. Mempergiat penglibatan masyarakat setempat dan perkongsian data oleh pihak berkuasa tempatan</p>	<p>Pemantapan jawatankuasa penduduk</p>	<p>Peratus peningkatan jumlah pelaksanaan program</p>	<p>10%</p>	<p>100% 57 Program</p>	<p>100% 60 Program</p>	<p>100% 68 Program</p>	<p>100% 62 program</p>	<p>100% 83 program</p>
<p>6. Memperkukuh kerjasama untuk menambahbaik penyampaian perkhidmatan pihak berkuasa tempatan</p>	<p>'Talk PBT' di institusi pendidikan</p>	<p>Peratus kesedaran (tahap pemahaman) pelajar</p>	<p>70%</p>	<p>80%</p>	<p>80%</p>	<p>80%</p>	<p>95%</p>	<p>90%</p>

# TERAS 5 STRATEGIK

**MEMPERKASAKAN SEKTOR PELANCONGAN DAN SUMBER HASIL SEDIA ADA SERTA MENEROKA SUMBER HASIL BAHARU UNTUK MENINGKATKAN EKONOMI MASYARAKAT**

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	2016	2017	2018	2019	2020
1.Meningkatkan hasil PBT	i. Penguatan tindakan penguatkuasaan di kawasan bercukai yang diperluaskan	i. Peratusan peningkatan hasil	3%	100%	100%	100%	100%	100%
	ii. Penerokaan kaedah baru bagi menambah hasil Majlis melalui kutipan hasil	Peratus peningkatan hasil bukan cukai	3%	100%	100%	100%	100%	96.1%
	iii. Penguatkuasaan undang-undang secara lebih berkesan	Peratusan pematuhan notis kesalahan	90%	100%	90%	100%	90%	90%
				90%	90%	100%	97%	97%
	iv. Sewaan / cagaran bagi aset Majlis	Peratusan pembayaran sewaan	100%	100%	100%	100%	100%	30%
	v. Pelaburan swasta	Prestasi pelaburan swasta berdasarkan jumlah pelaburan swasta keseluruhannya.	7%	91.25%	100%	100%	5.7%	11.43%
vi. Kempen melesenkan perniagaan	Peratusan perniagaan berlesen	80%	100%	80.8%	100%	86%	94.46%	
2. Mewujudkan sektor pelancongan berdaya maju dan berdaya saing	i. Mengenalpasti dan membangunkan sumber-sumber baru sebagai produk pelancongan	Jumlah produk baru	1 produk setahun	1(80)00%	100%	100%	100%	0
	ii. Promosi berkaitan dengan pelancongan melalui pelbagai kaedah	Peratus pelancongan	5%	100%	100%	100%	1.4%	0
Tahap kepuasan pelawat		70%	0	0	41.22%	85%		





# BAB 3

## HALA TUJU STRATEGIK





# ISU DAN CABARAN

## EKONOMI

- Turun naik ekonomi
- Kutipan hasil yang tidak mencukupi
- Bajet Pembangunan yang kurang
- Kurang Pelabur

## TEKNOLOGI

Perubahan yang cepat

- Kompetensi
- Peralatan (fizikal/bukan fizikal)
- Liputan

## PERSEKITARAN

- Sisa Pepejal
- Utiliti
- Bencana
- Pencemaran
- Kesusakan
- Bandar Singgah

## POLITIK

- Campurtangan Politik
- Perubahan Dasar
- Perubahan Kerajaan
- Pertukaran keluar masuk Pengurusan Tertinggi

## SOSIAL

- Demografi
- Kemiskinan
- Jenayah
- Kesihatan
- Warga Asing


## UNDANG-UNDANG

- Undang-undang lapuk
- Tiada Undang-undang
- Penguatkuasaan

Isu Dan Cabaran

# PIHAK BERKEPENTINGAN

## STAKEHOLDER (PEMEGANG TARUH)



## PELANGGAN (DIBERIKAN PERKHIDMATAN)




## RAKAN STRATEGIK



# DASAR KUALITI

.....



Majlis Daerah Tangkak **komited** dalam proses pemberian **perkhidmatan perbandaran** melalui pelaksanaan sistem **pengurusan kualiti** bagi memenuhi keperluan **pelanggan**

## PIAGAM PELANGGAN MAJLIS DAERAH TANGKAK

BIL	PIAGAM PELANGGAN	TEMPOH
1	Memastikan semua urusan di kaunter diberi layanan dalam tempoh tidak melebihi masa yang ditetapkan	15 minit
2	Permohonan Permit Bangunan Sementara (PBS)	14 hari
3	Permohonan Ubaan Tambahan	30 hari
4	Permohonan Permit Sekatan Dalaman	14 hari
5	Permohonan Permit Setara	14 hari
6	Permohonan Permit Membaiki	14 hari
7	Perakuan Penginapan Pekerja	14 hari
8	Sewa Pokok Bunga	14 hari
9	Permohonan lesen berisiko dengan dokumen yang lengkap dan memenuhi syarat diproses	30 hari
10	Permohonan lesen tidak berisiko dengan dokumen yang lengkap diproses	24 jam
11	Mengurus dan menyelesaikan aduan awam dalam tempoh maksimum	15 hari bekerja
12	Notis cukai taksiran dikeluarkan 2 kali setahun	Pada setiap 1 Januari dan 1 Julai
13	Proses bantahan	14 hari selepas notis dihantar
14	Perihal Tanah (Pecah Sempadan dan Ubahsyarat) + i. Kebenaran Merancang; ii. Kebenaran Merancang + Pelan Kejuruteraan; iii. Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan; iv. Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan; dan Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan;	57 HARI
15	Perihal Tanah (Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula) + i. Kebenaran Merancang; ii. Kebenaran Merancang + Pelan Kejuruteraan; iii. Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan; iv. Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan; dan Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan;	57 HARI

**PIAGAM PELANGGAN MAJLIS DAERAH TANGKAK**

BIL	PIAGAM PELANGGAN	TEMPOH
16	Kebenaran Merancang + i. Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan; ii. Pelan Bangunan; dan Pelan Kejuruteraan	57 HARI
17	Kebenaran Merancang (Sederhana)	57 HARI
18	Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan	50 HARI
19	Pelan Bangunan (PB)	50 HARI
20	Pelan Kerja Tanah	50 HARI
21	Pelan Jalan dan Perparitan	50 HARI
22	Pelan Kerja Tanah + Pelan Jalan Dan Perparitan	50 HARI
23	Pelan Landskap	42 HARI
24	Pelan Nama Taman, Nama Jalan, Nama Bangunan	33 HARI



# BAB 4

## STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

PETA STRATEGIK

01  
©

STRATEGI,  
PROGRAM DAN KPI

02  
🎯

# PETA STRATEGIK MDT

2021 - 2025

VISI

KE ARAH  
PERBANDARAN,  
HIJAU, BERSIH, SEJAHTERA

MISI

MEMPERKASA PERKHIDMATAN  
PERBANDARAN  
SECARA CEKAP DAN BERKESAN

OBJEKTIF  
STRATEGI



TADBIR URUS  
YANG BERKUALITI



HASIL YANG  
MENCUKUPI



PEMBANGUNAN  
YANG MAMPAN



PERSEKITARAN  
YANG KONDUSIF



KESEJAHTERAAN  
MASYARAKAT

MESRA • DINAMIK • TELUS

NILAI

# PELAN TINDAKAN

TADBIR URUS YANG BERKUALITI

**S01**

HASIL YANG MENCUKUPI

**S02**

PEMBANGUNAN MAMPAN

**S03**

PERSEKITARAN YANG KONDUSIF

**S04**

KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

**S05**

# PELAN TINDAKAN



JABATAN	SO	Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
				2021	2022	2023	2024	2025	
JABATAN KHRIDMAT PENGURUSAN	Tadbir Urus Yang Berkualiti	Mengekalkan pensijilan dan pengiktirafan	Anugerah Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (5 Bintang)	-	100%	100%	100%	100%	10,000.00
			Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS (5 Bintang)	100%	100%	100%	100%	100%	
			Kehadiran Kakitangan	100%	100%	100%	100%	100%	
			Hari Terbuka Kakitangan (Semakan Buku Rekod Perkhidmatan (2 Kali Setahun)	100%	100%	100%	100%	100%	
			Pelan Pusingan Kerja Kakitangan 1 KALI DALAM TEMPOH 5 TAHUN (Kali Terakhir 2019) JOB ROTATION	100%	100%	100%	100%	100%	
			Latihan / Kursus (7 Hari/ Setahun)	100%	100%	100%	100%	100%	
			Pelan Penggantian Sumber Manusia (BARU/PENCEN)	100%	100%	100%	100%	100%	
			Semakan / Pematuhan MyPortfolio yang lengkap (1 kali setahun)	100%	100%	100%	100%	100%	
			Pematuhan kepada Pelan Integriti MDT	100%	100%	100%	100%	100%	
			Program Sandaran (Attachment) di PBT lain. (3 kakitangan setahun)	-	100%	100%	100%	100%	
			Menaiktaraf peralatan dan fasiliti ICT Untuk Jabatan (1 kali setahun)	100%	100%	100%	100%	100%	100,000.00
			Keselamatan ICT - Pengemaskinian lesen antivirus dan firewall (1 kali setahun)	100%	100%	100%	100%	100%	40,000.00

Menaiktaraf peralatan ICT Pegawai dan Kakitangan Sokongan Yang Telah melebihi 5 Tahun atau telah rosak. Permohonan One Off setiap tahun.

Kemaskini Lesen-Lesen Tahunan Antivirus (1 thn) dan Firewall (3 thn)



					100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%			Naiktaraf Sistem ePBT, aplikasi e-Khidmat, Laman Web Rasmi dan Lain-Lain Sistem (1 kali setahun)	Naiktaraf Sistem ePBT 3.0 pada Tahun 2022. Pengambalian pengurusan laman web daripada KPKIT 2021 (RM1560 /1thn).
					100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%			Menaiktaraf Rangkaian Jalur Lebar Metro E	Menaiktaraf kelajuan internet daripada 10MBps kepada 100 MBps (RM8641/1 bln)
<b>JABATAN KEWANGAN</b>	<b>Tadbir urus yang berkualiti</b>	Mengekalkan pensijilan dan pengiktirafan	Mengekal siji bersih Penyata Kewangan	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%				RM25,000.00	
			Pengurusan belanjawan yang menepati keperluan	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%				Tiada
				Aliran tunai mencukupi	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%				Tiada	
				Prestasi perbelanjaan pembangunan melalui peruntukan luar	90%	90%	90%	90%	90%	90%	90%	90%	90%				Tertakluk kepada waran yang disalurkan	
				Penjimatan tenaga elektrik pejabat	1%	2%	3%	4%	5%								Tiada	
<b>JABATAN PELESENAN BAHAGIAN Penguatkuasaan</b>	<b>Tadbir Urus Yang Berkualiti</b>	Memantau fizikal anggota Penguat Kuasa	Program Kecergasan Pegawai Dan Anggota Penguat Kuasa (BMI)	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%				500.00	
			Pemeriksaan 2 kali Setahun															
			merujuk kepada bilangan anggota yang telah dikenalpasti															
<b>UNIT OSC</b>	<b>Memperkasakan Tadbir Urus Serta Meningkatkan Kapasiti Dan Keupayaan Ke Arah Menjadi Organisasi Berprestasi Tinggi (Hpo)</b>	Memperkuhkan Pengurusan Organisasi Majlis Daerah Tangkak	Pematuhan kepada 11 Piagam Pelanggan Pusat Setempat (OSC) MDTangak	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%					
			Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) sebanyak 2 kali sebulan (24 kali setahun)	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%			

UNIT AUDIT DALAM	Tadbir Urus Yang Berkualiti	Memastikan fungsi-fungsi mematuhi peraturan yang ditetapkan.	1) Mengaudit Mengejut terhadap bilik kebal, panjar wang runcit dan pungutan (hasil) - 2kali setahun	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	1000.00	
			2) Mengaudit Aset / Setor - 2 kali setahun	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	1000.00
			audit kualiti - iso dan eksa star rating - 2 tahun sekali	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%
UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN KORPORAT	Tadbir Urus Yang Berkualiti	Meningkatkan kompetensi auditor dalam	latihan audit dalam - setiap tahun (8 auditor kepada 24 tahun)	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	5000.00	
			Pensijilan MS ISO 9001:2015	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	20,500.00
			Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)														
UNIT UNDANG- UNDANG	Warta : Undang- Undang Kecil	Kajian terhadap undang-undang lapuk (lama) dan mewatikan semula	1) Mengajukan Pertandingan KIK Peringkat Dalam	-	100%	-	100%	-	100%	-	100%	-	100%	-	100%		
			2) Menyertai Pertandingan KIK Peringkat Wilayah/ Kebang- saan	-	100%	-	100%	-	100%	-	100%	-	100%	-	100%	-	
			3) Menerima Anugerah KIK	-	100%	-	100%	-	100%	-	100%	-	100%	-	100%	-	
UNIT UNDANG- UNDANG	Warta : Undang- Undang Kecil	Kajian terhadap undang-undang lapuk (lama) dan mewatikan semula	Mengembalikan Kecemlerangan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) peringkat Audit Dalam	-	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	10,700.00	
			Kajian Kepuasa Pelanggan	80%	80%	80%	80%	80%	80%	80%	80%	80%	80%	80%	80%		
			1) Undang-Undang Kecil SPA.	50%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	5,000.00
UNIT UNDANG- UNDANG	Warta : Undang- Undang Kecil	Kajian terhadap undang-undang lapuk (lama) dan mewatikan semula	2) Undang-Undang kecil Penjaja.	0%	10%	50%	70%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	5,000.00	
			3) Undang-Undang Kecil Iklan	0%	10%	50%	70%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	5,000.00

# PELAN TINDAKAN

.....

## **S02** HASIL YANG MENCUKUPI

01

JABATAN  
KEWANGAN

JABATAN  
PELESENANAN

02

03

BAHAGIAN  
PENGUATKUASAAN

JABATAN PENILAIAN  
DAN PENGURUSAN HARTA

04

JABATAN	SO	Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
				2021	2022	2023	2024	2025	
JABATAN KEWANGAN	Hasil yang mencukupi	Meningkatkan pelaburan simpanan tetap	Hasil pelaburan simpanan tetap (asas tahun 2020)	2%	3%	4%	5%	6%	Tiada
	Hasil yang mencukupi	Mengawal aktiviti perniagaan dalam Daerah Tangkak	Peningkatan Hasil Lesen Perniagaan 1. Kilang Haram Tahun 2021 48 buah kilang		20%	30%	40%	50%	10,000.00
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN	Hasil yang mencukupi	Semakan Kadar Lesen				50%	100%		
		Mengurangkan Tunggakan Kompaun	Kempen Pengurangan Kompaun 70% setahun sekali 30% kutipan tunggakan (Jumlah kompaun 16,469 sehingga 31.12.2021)	100%	100%	100%	100%	100%	5,000.00
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA	Hasil yang mencukupi	Pelaksanaan kerja-kerja penilaian semula kadar cukai taksiran	Melaksanakan penilaian semula mengikut tempoh berdasarkan Sek. 137, Akta 171.	-	50%	100%	-	-	2,000,000.00
		Penerokaan hasil baru	Program penswastaaan bagi harta milik MDT 1) Bekoh 2) Kawasan Rekreasi Kesang	-	100%	-	-	-	20,000.00
		Tunggakan cukai dan pengurangan cukai	Pelaksanaan Taskforce kutipan tunggakan dan pembersihan data (RM9,000,000.00 - 2021)	10%	20%	30%	40%	50%	34,000.00
		Sewaan harta MDT	Memastikan sewaan premis MDT disewa seperti berikut: 1) Gerai -90% 2) bangku pasar - 60%	100%	100%	100%	100%	100%	-
		Tunggakan sewaan harta MDT	Memastikan sewaan premis MDT disewa meningkat seperti berikut : 1) Gerai -95% 2) bangku pasar - 65%	100%	100%	100%	100%	100%	-
			Pelaksanaan Taskforce kutipan tunggakan dan pembersihan data (RM27, 000.00 - 2021)	50%	50%	-	-	-	-

# PELAN TINDAKAN

---

**S03**

## PEMBANGUNAN MAMPAN

**01**

**JABATAN  
KEJURUTERAAN**

**JABATAN PERANCANGAN  
BANDAR DAN LANDSKAP**

**02**



JABATAN	SO	Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
				2021	2022	2023	2024	2025	
JABATAN KEJURUTERAAN	Pembangunan Mampan	Meningkatkan Kualiti Jalan Untuk Keselesaan Penduduk Taman	1. Menaiktaraf Jalan Sedia Ada Di Kawasan Pentadbiran MDT Sepanjang 10km Setahun  2. Naiktaraf Sistem Perparitan 2km setahun	100%	100%	100%	100%	100%	3,000,000.00
				100%	100%	100%	100%	100%	500,000.00
				20%	40%	60%	80%	100%	180,000.00
				100%	100%	100%	100%	100%	
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN LANDSKAP	Pembangunan Mampan	Melaksanakan perancangan dan pembangunan bandar yang mampan dan makmur.	4. Prestasi Pembelanjaan Pembangunan dari sumber luar  Pematuhan Rancangan Tempatan Daerah Tangkak 2016-2030 (Bilangan Pemohon Yang Tidak Mematuhi)	100%	100%	100%	100%	100%	-
				100%	100%	100%	100%	100%	370,000.00
				100%	100%	100%	100%	100%	300,000.00
				100%	100%	100%	100%	100%	-
		Bandar Mampan	Peratus pencapaian dalam penilaian MURNINets (>80%)	100%	100%	100%	100%	100%	-

# PELAN TINDAKAN


---



## PERSEKITARAN YANG KONDUSIF



JABATAN PERANCANGAN  
BANDAR DAN LANDSKAP



JABATAN PERBANDARAN  
DAN KESIHATAN AWAM

JABATAN	SO	Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM	
				2021	2022	2023	2024	2025		
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN LANDSKAP	Persekitaran Yang Kondusif	Mewujudkan Bandar Selamat	Peraksanaan Inisiatif- Inisiatif Dalam Bandar Selamat (Cermin Keselamatan, Pengasingan Pejalan Kaki, Outdoor CCTV, Papan tanda Peringatan Jenayah DLL)	100%	100%	100%	100%	100%	280,000.00	
		Low Carbon City	Kebun Komuniti dan Kebun Bandar (1 Program Kebun Komuniti Setahun)	100%	100%	100%	100%	100%	20,000.00	
	Persekitaran Yang Kondusif	Sistem Pengurusan Air Hujan (SPA)H) untuk semua jenis bangunan dan pemajuan baru	a) Rumah Sesebuah (10 Unit Setahun)		100%	100%	100%	100%	-	
			b) Rumah Berbandung (45 Unit Setahun)		100%	100%	100%	100%	-	
		Mengukuhkan Perkhidmatan Kebersihan dan Keindahan Bandar	Program Kawalan Premis Makanan:							
			i. Pengredan Premis Makanan							
			Jumlah premis 448 2021 72 premis Gred A		100%	100%	100%	100%	100%	
			Peratus peningkatan premis Gred B ke Gred A (daripada 377 buah premis)		2%	3%	4%	5%	6%	
			ii. Pengredan Tandas Awam							
			Jumlah tandas 5 Bintang (MDT)		100%	100%	100%	100%	100%	
Persekitaran Yang Kondusif	Peratus peningkatan tandas 4 bintang kepada tandas 5 bintang (Daripada 105 tandas)		64%	74%	84%	94%	99%			
		iii. Pemasangan Perangkap Minyak Premis Makanan Berlesen								
		Peratus peningkatan premis yang memasang perangkap minyak (Daripada 20 / 75 premis)		20%	40%	60%	80%	100%	RM40,000.00	
		iv. Pertandingan tandas bersih								
Persekitaran Yang Kondusif	Pertandingan dibuat 1 kali / setahun		0%	0%	100%	100%	100%			
		v. Pertandingan premis makanan bersih								
		Pertandingan dibuat 1 kali / setahun		0%					RM5,000.00	
		Pertandingan dibuat 1 kali / setahun		0%	0%	100%	100%	100%	RM5,000.00	

# PELAN TINDAKAN



JABATAN	SO	Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
				2021	2022	2023	2024	2025	
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	Kesejahteraan Masyarakat	Pengurusan golongan miskin bandar lebih teratur dan berkesan	Pelaksanaan aktiviti banciaan kepada golongan miskin bandar:- Mengadakan kolaboratif bersama agensi berkaitan dalam membantu golongan sasaran:- 4 kali setahun  ii. Aktiviti dan program Ahli Majlis, Pengurusan MDT bersama komuniti setempat. Mengadakan program Gerak Mesra @ Gerak Tumpu yang meliputi aktiviti berikut:- Sasaran mengikut aktiviti  a. Gotong-royong: 48 kali setahun  b. Gotong Royong Perdana : 1 kali setahun  i. Mengenalpasti dan membangunkan sumber-sumber baru sebagai produk pelancongan dan memperkasakan produk sedia ada:- Jumlah produk baru Sasaran produk baru: 1 produk setahun  ii. Promosi berkaitan dengan pelancongan melalui pelbagai kaedah:-	100%	100%	100%	100%	100%	75,000.00
				100%	100%	100%	100%	100%	
				100%	100%	100%	100%	100%	
				100%	100%	100%	100%	100%	
				100%	100%	100%	100%	100%	
				100%	100%	100%	100%	100%	
				100%	100%	100%	100%	100%	
				100%	100%	100%	100%	100%	
				100%	100%	100%	100%	100%	
				100%	100%	100%	100%	100%	
UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN KORPORAT	Kesejahteraan Masyarakat	Memperkuh Kerjasama Untuk Menambahbaik Penyampaian Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan	1) Sesi Town Hall Perdana (1 Program)  2) Sesi Town Hall (2 Program)	100%	100%	100%	100%	100%	100,000.00
				100%	100%	100%	100%	100%	



# Penutup

.....

**Pelan Strategik ini merupakan panduan hala tuju Majlis Daerah Tangkak dalam tempoh 5 tahun lagi (2021-2025).** Pelan Strategik ini menjadi teras dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih efisien dan berkesan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan selaras dengan kehendak pembangunan negara.

Aspektasi memenuhi keperluan stake holder pelanggan adalah keutamaan MDT. Maka pelan strategik ini akan menjadi sebagai garis panduan kepada pihak pengurusan untuk memantau perjalanan organisasi serta meningkatkan keupayaan dalam mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.


Oleh yang demikian, Pelan strategik MDT telah menggariskan 5 teras strategik utama, 19 strategik serta 57 tindakan / pengawasan yang perlu dilaksanakan. Segala usaha dan tumpuan bagi penambahbaikan, pelaksanaan, penyelenggaraan, pemantauan dan penilaian akan dilaksanakan dari masa kesemasa mengikut tempoh yang ditetapkan bagi memastikan samada apa yang dirancang mencapai matlamatnya.

**Pelan Strategik 2021-2025** pasti akan mencapai kejayaan dengan adanya komitmen dan keazaman daripada seluruh warga kerja MDT. Menjiwai sepenuhnya hasrat jabatan secara konsisten melaksanakannya, pasti kejayaan dan kecemerlangan menunggu di masa hadapan.





 **Ibu Pejabat Majlis Daerah Tangkak**  
**Majlis Daerah Tangkak,**  
**84900 Tangkak,**  
**Johor Darul Takzim**

 **06-9781261/06-9782226**

 **mdtgk@johor.gov.my**

 **06-9782670 / 06-9785741**